

P-raya: Mahathir yakin BN menang

DATO' Seri (Dr.) Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional akan menang dalam pilihanraya 8 Julai ini kerana Kerajaan yang dipimpin oleh Barisan telah menubuhkan janji-janjinya menjamin kestabilan, politik dan ekonomi.

Menurutnya, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang pesat membangun di dunia sebelah sini.

Timbalan Perdana Menteri menambah, dari segi keselamatan, keadaan negara adalah baik dan Malaysia bersahabat dengan negara-negara jiran.

Dato' Seri (Dr.) Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak yakin Barisan Nasional akan dapat

IPOH, Selasa,
(Bernama).

mencapai kemenangan di Perak.

Bellau juga menyatakan parti-parti dalam komponen Barisan Nasional bersedia menghadapi pilihanraya.

Persiapan

Bellau telah diberi taklimat mengenai persiapan parti-parti dalam komponen Barisan Nasional di Perak dan "Mereka yakin akan mendapat kejayaan cemerlang."

Menurut Dato' Seri (Dr.) Mahathir, jika rapat umum dibenarkan hanya hanya memberi peluang kepada Parti Komunis Malaya mengambil kesempatan kerana mereka akan merayakan ulangtahun

yang ke-30 dalam musim pilihanraya ini.

Katanya, "Kita tidak mahu kejadian pilihanraya 1969 berulang di mana seorang Ahli UMNO telah dibunuh di Pulau Pinang dan seorang pekerja pilihanraya juga mati di Selangor."

Katanya, pilihanraya melibatkan berjuta-juta rakyat dan bilangan pasukan keselamatan yang besar.

Kerajaan, tegasnya, akan memastikan pilihanraya kali ini berjalan dengan baik dan tenaga-tenaga pasukan keselamatan dikehendaki bagi menjamin hasrat itu.

Timbalan Perdana Menteri berada di sini untuk menemui ketua-ketua Barisan Nasional Negeri. Bellau akan ke Kedah esok untuk hari penamaan calon.